

21 MAR 2001

SULTAN TERENGGANU Pengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-188

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Raja-raja ke-188 di Istana Negara di sini.

Jurucakap Istana Negara berkata, kesemua Sultan hadir kecuali Sultan Kedah yang diwakili Raja Muda, Sultan Johor diwakili Tengku Mahkota Johor dan Sultan Pahang diwakili Tengku Muda Pahang.

Selangor diwakili oleh Pemangku Raja Selangor.

Yang turut mengiringi Sultan-sultan ialah Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri kecuali Pulau Pinang yang diwakili oleh Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahya, Sabah oleh Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin dan Sarawak oleh Menteri Pertanian dan Industri Pemakanan Datuk Adenan Satem.

Esok Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dijadual menghadiri mesyuarat itu dengan diiringi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA  
AFY AHH MAI